

MEMO BENDAHARI BIL. 06/2022

NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/05/2022(06)
TARIKH : 1 SEPTEMBER 2022
KEPADA : SEMUA STAF UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)
DARIPADA : BENDAHARI
PERKARA : PERUNTUKAN/TAJAAN DARI PIHAK LUAR UNTUK AKTIVITI/PROGRAM UNISEL

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Cik/Tuan/Puan,

1.0 TUJUAN

Memo ini adalah sebagai hebahan kepada Unit/Pejabat/Jabatan dan Fakulti Universiti Selangor (UNISEL) bahawa sebarang permohonan Peruntukan/Tajaan luar bagi menjalankan aktiviti/program tertentu, yang melibatkan nama universiti perlu melalui Pejabat Presiden & Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) atau Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti) bergantung kepada kesesuaian aktiviti atau program yang bakal dilaksanakan.

2.0 LATAR BELAKANG

Pejabat Bendahari mendapati terdapat permohonan Peruntukan/Tajaan program/aktiviti kepada pihak luar yang tidak melalui Pejabat Presiden & Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) atau Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti).

3.0 TINDAKAN STAF

Staf di Unit/Pejabat/Jabatan dan Fakulti perlu menghantar permohonan Peruntukan/Tajaan melalui Pejabat Naib Canselor & Presiden, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri) atau Pejabat Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti) dan menyerahkan salinan permohonan yang telah disahkan kepada Pejabat Bendahari.

4.0 PELAKSANAAN

Memo ini akan mula **berkuatkuasa serta-merta dan tindakan boleh diambil kepada staf yang gagal untuk mematuhi prosedur ini.**

Sekian, terima kasih.

"Peneraju Transformasi"

Yang menjalankan tugas,

SITI AISYAH BT OMAR C.A(M)
Bendahari

sk: Pengurusan Universiti Selangor